


# Sejarah dan Budaya Bahasa di Asia Tenggara



Asia Tenggara seperti yang dikenali kini, merujuk benua Asia yang terletak di bahagian tenggara. Perbatasan Asia Tenggara meliputi Indochina dan Semenanjung Malaysia dan mencakupi kepulauan di sekitarnya. Wilayah Asia Tenggara bersempadan dengan negara China di sebelah utara, lautan Pasifik di timur, Bangladesh di selatan Teluk Benggala, dan benua India di sebelah barat.

Negara-negara di Asia Tenggara dapat dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu Asia Tenggara yang terletak di daratan dan Asia Tenggara yang terletak di kawasan maritim. Negara yang terletak di kawasan perairan atau maritim termasuklah Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina dan Timor Leste. Manakala negara di kawasan daratan ialah Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam. Kesemuanya terdapat sebelas buah negara yang mempunyai jumlah penduduk lebih 600 juta penduduk.

## Kepelbagaian Etnik dan Bahasa

Negara dalam Asia Tenggara terdiri daripada pelbagai etnik. Di Laos, terdapat etnik Lao daratan, Lao Theung dan Lao Soung, manakala di Myanmar, selain suku Burma, terdapat etnik Shan, Karen dan Rakhine. Di Kemboja, terdapat majoriti suku Khmer selain suku Vietnam, Cham dan Cina, manakala di Thailand, selain etnik majoriti Thai, terdapat etnik Khmer, etnik Melayu dan Cina. Vietnam pula terdiri daripada suku majoriti Vietnam diikuti oleh etnik Siam dan Cina, serta pelbagai etnik kecil yang lain.

yang menjadi kelompok minoriti. Masyarakat di Brunei pula terdiri daripada Melayu Brunei yang merupakan etnik majoriti, diikuti oleh etnik Cina dan peribumi Brunei sebagai minoriti.

Malaysia pula terdiri daripada etnik Melayu sebagai majoriti dan orang asli, diikuti etnik Cina dan Tamil, serta golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Timor Lester yang merupakan negara merdeka dari Indonesia mempunyai suku Austronesia, Melayu dan campuran Portugis Eropah dan mempunyai sejarah bahasa dan budaya yang tersendiri. Sejarah politik di Singapura pula memperlihatkan Cina merupakan

Di negara Asia Tenggara yang terletak di daratan, kebanyakan penduduk di Thailand, Vietnam, Myanmar, Laos dan Kemboja menganut agama Buddha.

Ajaran Buddha Mahayana berkembang pada abad kesembilan hingga abad ke-13 yang mempengaruhi kepercayaan agama, bahasa, kesenian dan seni bina. Namun, ajaran aliran Buddha Theravada sudah berkembang lebih lama sejak 500 Masihi di Myanmar, Thailand, Kemboja dan Laos. Ajaran ini berkembang melalui penduduk biasa dan bukannya dalam golongan elit tradisional. Di negara Kemboja, hampir 97 peratus rakyatnya menganut ajaran Buddha, diikuti oleh Myanmar seramai 90 peratus, Laos seramai 67 peratus manakala Thailand pula terdapat sekitar 93 peratus penduduknya mengikut ajaran berkenaan. Di Vietnam pula banyak yang menganut agama tradisi mereka sendiri yang mewakili sekitar 45 peratus, kemudian barulah diikuti oleh penganut Buddha sekitar 16 peratus dan Kristian sekitar lapan peratus.

## Budaya, Bahasa dan Agama

Dalam pendidikan tradisional, kebanyakan negara seperti Myanmar, Kemboja, dan Laos mengamalkan pendidikan berasaskan sistem pendidikan agama atau pondok yang dikenali sebagai *sangha* yang memberikan penekanan pada aspek pembelajaran membaca, menulis dan kemahiran hidup. Ketika era kolonialisme, sistem sekolah agama dibenarkan di samping penubuhan sekolah anak negeri. Dalam pendidikan tradisional ini, nilai kepercayaan Buddha dimasukkan.

Di kawasan perairan Asia Tenggara pula, Indonesia mempunyai etnik Jawa sebagai etnik majoriti, diikuti oleh etnik Sunda, Melayu, Madura, Batak, Minangkabau, Betawi, Bugis, Banten, Banjar, Bali, Sasak, Makassar, Cirebon, Aceh, Toraja, Dayak dalam pelbagai suku kecil daripada rumpun Melanesia dan Melayu-Polinesia. Filipina pula terdiri daripada masyarakat asli Filipino yang merupakan etnik majoriti, diikuti Cina, Arab, serpihan Eropah dan Amerika

etnik majoriti dan Melayu sebagai etnik minoriti meskipun sejarah asalnya Singapura ialah negara dikuasai oleh etnik Melayu.

## Kepelbagaian Agama dan Kepercayaan

Terdapat kewujudan dua konsep Asia Tenggara yang terletak di daratan dan di kawasan lingkungan perairan yang mempengaruhi penyebaran agama dan anutan agama yang pelbagai.



Ketua adat atau agama mereka merupakan golongan yang dihormati kerana mempunyai ilmu pengetahuan tinggi tentang agama Buddha. Mereka dikenali sebagai *sangha* yang mempunyai struktur masyarakat Buddha yang terdiri daripada sami, biarawati, pengikut dan orang awam. Kuil-kuil bertindak sebagai pusat pendidikan yang memberikan pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira, selain prinsip asas agama kepada anak-anak kampung. Namun, kedatangan kolonial seperti Perancis dan Inggeris telah mengubah sistem pendidikan mereka daripada yang berunsur tradisional kepada yang berbentuk moden dan sifar sekular.

Di Thailand misalnya, kebanyakan rakyatnya menganut agama Buddha Theravada, dan dalam sejarah negara tersebut, semua raja mereka menganut agama Buddha. Malah, terdapat

dalam perlembagaan bahawa raja Thailand mestilah seorang Buddha dan menjadi penaung agama Buddha. Apabila raja menjadi penaung agama, bermakna agama tersebut mendapat perlindungan dan sentiasa dalam pemerhatian pemerintah. Sebenarnya sejak abad kelapan, secara politik, Siam dan Laos ialah sebahagian daripada Kemboja. Justeru, pengaruh agama Buddha juga tidak dapat dielakkan. Oleh hal yang demikian, berdasarkan rangkaian hubungan ini, kepercayaan ini sentiasa berpanjangan. Perubahan politik pada abad ke-13 membawa kejayaan Thailand menguasai seluruh wilayah Thailand dan agama Buddha terus diamalkan. Begitu juga hal yang berlaku pada Laos yang berjaya membebaskan diri daripada Kemboja dan terus mengekalkan kedaulatan agama Buddha yang mereka anuti. Bahasa Pali yang menjadi

bahasa kitab ajaran Buddha berjaya diperteguh di Thailand dan Laos. Bagi aliran Buddha Theravada, bahasa Pali ialah bahasa paling suci yang mengatasi bahasa Sanskrit. Hal ini dikatakan demikian kerana pendukung awal Buddha menggunakan bahasa Pali untuk menyampaikan ajaran Buddha. Bahasa Pali juga dianggap lebih totok, tua, dan lebih asli. Malah, dipercayai bahawa kitab suci Buddha yang paling lengkap ditulis dalam bahasa Pali, manakala kitab dalam bahasa Sanskrit dianggap kurang keutuhannya.

Selain itu, dalam sejarah penyebaran agama, pemerintah Thailand banyak menghadiahkan patung emas dan perak, kitab suci agama mereka kepada pendakwah negara lain. Terdapat pengecualian penganutan di luar kawasan daratan negara di Asia Tenggara dalam aspek kepercayaan agama. Hanya Singapura dan Kepulauan Krismas yang menganut kepercayaan Buddha di negara maritim Asia Tenggara sebagai kepercayaan terbesar mereka. Secara spesifik kepercayaan Buddha dianuti sekitar 33 peratus daripada penduduk di Singapura, Kristian (18.8 peratus), tanpa agama (18 peratus), Islam (14 peratus), Hindu (lima peratus), kepercayaan Sikh dan kepercayaan lain (kurang satu peratus). Di Kepulauan Krismas, jumlah penganut ajaran Buddha hampir seimbang dengan penganut agama Islam dan Kristian.

### Agama Budaya dan Bahasa Nuansa Islam

Negara Asia Tenggara yang terletak di kawasan perairan mempunyai sejarah yang lebih dinamik. Di Indonesia, Brunei dan

Malaysia agama Islam menjadi agama yang penganutnya majoriti. Terdapat sekitar 240 juta penduduk beragama Islam di Asia Tenggara yang didominasi oleh negara Indonesia, Malaysia, termasuk wilayah Patani di selatan Thailand dan di Kepulauan Mindanao. Kesemuanya mempunyai sejarah budaya tersendiri yang mempengaruhi penggunaan bahasa mereka. Kebanyakan mereka menuturkan bahasa Melayu-Indonesia yang dikaitkan dengan penyebaran Islam. Tulisan Jawi menjadi identiti masyarakat Islam di Asia Tenggara.

Agama Islam tersebar di kawasan perairan Asia Tenggara sejak awal abad kesembilan melalui perdagangan antarabangsa. Malah, sejak 674 Masihi, petempatan Islam sudah wujud di barat daya Sumatera dan kemudiannya berkembang di wilayah lain di perairan nusantara pada sekitar abad ke-12. Sekitar 87 peratus penduduk Indonesia beragama Islam. Di Kepulauan Kokos pula, penganutnya sekitar 80 peratus, manakala di Brunei, penganutnya sekitar 67 peratus, di Malaysia, lebih 60 peratus penduduknya beragama Islam.

Negara di daratan Asia Tenggara cenderung dalam penguahan ajaran Buddha dalam negara masing-masing dan penggunaan bahasa Pali dalam kitab agama mereka. Negara beragama Islam di Asia Tenggara pula mempopularkan penggunaan tulisan Jawi, khususnya pada awal kedatangan Islam dan dijadikan alat penyebaran agama Islam dan peneguh ajaran Islam. Tulisan Jawi bukan sahaja digunakan dalam kitab agama, tetapi turut juga digunakan dalam akhbar dan persuratan. Penggunaan Jawi ini menyebabkan kadar celik huruf bertambah dan menjadikan aspek modenis pemikiran masyarakat




dunia Melayu beragama Islam bersifat lebih progresif.

### Kristian, Bahasa dan Pengaruh Kolonial

Kedatangan agama Kristian lebih perlahan ke Asia Tenggara berbanding ajaran Hindu, Buddha dan Islam. Sejarah kedatangan awal dikesan apabila Ferdinand Magellan dari Sepanyol datang ke Cebu untuk menyebarkan agama Kristian, diikuti wilayah Lapu-Lapu. Raja Humabon berjaya dikristiankan oleh Magellan, sebelum Magellan dibunuh oleh orang Islam yang memprotes penyebaran Kristian di wilayah mereka di Kepulauan Mactan. Penaklukan Kerajaan Manila (atau Seludong) pada 1571 dan Kerajaan Tondo pada 1589 antara gerakan awal penyebaran Kristian di Filipina hingga berjaya. Cuma wilayah Mindanao yang sudah

menganut agama Islam sejak abad ke-10 sukar ditembusi ajaran Kristian. Kesan daripada hal yang sedemikian ini, agama Kristian menjadi agama majoriti di Filipina.

Filipina juga menggunakan dua bahasa rasmi, iaitu bahasa Filipino dan Inggeris. Bahasa Inggeris digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan dan bidang perdagangan dan ekonomi. Terdapat 175 bahasa dan dialek yang dituturkan, termasuklah Tagalog, Cebuano, Ilocano, Hiligaynon atau Ilonggo, Bicol, Waray, Pampango dan Pangasinense. Namun, bahasa Tagalog paling sering digunakan berbanding bahasa lain. Pengaruh sejarah dan kebudayaan luar menyebabkan makanan masyarakat Filipina diresapi pengaruh makanan masyarakat Sepanyol dan Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana Filipina telah dijajah oleh Sepanyol selama lebih 265 tahun dan



menjadi wilayah Sepanyol selama 77 tahun. Justeru, muzik hispanik dan kesenian lain memberikan pengaruh besar terhadap rakyat di negara tersebut.

Di Timor Timur, sejarah agama Kristian bermula sejak abad ke-16 melalui perdagangan dengan masyarakat tempatan dan bermula penyebaran agama secara menyeluruh oleh Portugis sehingga tahun 1974. Meskipun penjajahan sudah berakhir, kesan penjajahan beratut tahun dan pendakwahan agama menjadikan hampir kesemua penduduk Timor Leste menganut agama Kristian.

Mereka berbangga membentuk jaringan dengan Lusophone, iaitu kumpulan yang bertutur bahasa Portugis di samping dipengaruhi kebudayaan Portugis. Antara negara dalam jaringan tersebut termasuklah Brazil, Mozambique, Angola, Portugal, Macau, Guinea-Bissau, Macau dan Cape Verde. Di sinilah dapat dilihat negara ini membentuk identiti budaya dan bahasa mereka yang mempunyai pertalian sejarah kolonial.

Kolonialisasi menjadikan negara ini mempunyai dua bahasa rasmi, iaitu bahasa Portugis dan bahasa peribumi mereka, iaitu bahasa Tetum. Bahasa Tetum ialah bahasa daripada rumpun keluarga Austronesia. Bahasa ibunda majoriti ialah bahasa Tetum Prasa. Selain itu, terdapat

bahasa Mambai, Makasai, Tetum Terik, Baikenu, Kemak, Bunak, Tokodede dan Fataluku. Namun, apabila pemerintah Indonesia berkuasa, bahasa Portugis pernah diharamkan. Sebaliknya hanya bahasa Indonesia dibenarkan bagi tujuan rasmi seperti dalam bidang pendidikan, urusan pejabat dan perdagangan. Hal yang sedemikian ini menimbulkan penentangan penduduk peribumi terhadap dasar bahasa dan hegemoni proses penjiwaan atau keindonesiaan. Apabila gerakan membebaskan diri daripada Indonesia berjaya dan negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 2002, maka dua bahasa tersebut dijadikan bahasa rasmi negara Timor Timur.

Berdasarkan perbincangan ini, ternyata Asia Tenggara mempunyai sejarah budaya dan bahasa yang kompleks. Faktor pertama yang mencetuskan situasi ini ialah sejarah awal negara-negara tersebut. Sejarah awal termasuklah sejarah penempatan masyarakat terawal hingga membentuk sebuah komuniti dan pembentukan sebuah negara. Faktor kedua pula ialah faktor linguistik yang berbeza, misalnya antara bahasa Filipino dengan bahasa Laos yang mempunyai perbezaan linguistik yang sangat ketara yang mempengaruhi cara berfikir, berperasaan dan cara

mengungkapkan setiap lambang dan bunyi yang artikulasikan. Apabila berlakunya perbezaan linguistik, berlakulah perbezaan budaya antara mereka berdasarkan penempatan dan wilayah sempadan. Keaneekaragaman bahasa dan suku etnik mewujudkan kepelbagaian masyarakat di Asia Tenggara.

Hal yang sedemikian ini tidak sama dengan masyarakat di Eropah yang kurang aneka ragam, khususnya dalam sesebuah negara. Kurangnya kewujudan dialek-dialek dalam sesebuah negara di Eropah misalnya, menyebabkan lebih cepat perubahan dan idea diterima secara menyeluruh oleh penuturnya. Hal yang sedemikian ini mempercepat kesatuan masyarakat dalam sesebuah negara. Namun, negara-negara di Asia Tenggara yang lebih pelbagai sifatnya memberikan keaneekaragaman sehingga ada antara negara berkenaan meraikan kesatuan dalam kepelbagaian seperti yang diungkapkan oleh bangsa Indonesia, iaitu "Bhinneka Tunggal Eka" yang bermaksud kesatuan dalam kepelbagaian. Aneka sejarah budaya dan bahasa di Asia Tenggara inilah yang dapat memberikan pengalaman dan khazanah berharga dalam kajian dunia Asia Tenggara. DB